



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 04/2018

Rujukan : Bil (16) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

09 Mac 2018

Setiausaha Bandaraya
Pengarah-Pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Pembantu Tadbir (Kanan)
Majlis Bandaraya Ipoh

CETAKAN PENYATA GAJI BULANAN ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa mulai bulan Mac 2018 penyata gaji anggota yang bertugas di pejabat boleh dicetak sendiri dengan menggunakan ID pengguna masing-masing di Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT). Tujuan perlaksanaan ini diwujudkan agar anggota lebih mesra dengan penggunaan Sistem SPBT di Majlis terutama memberi kemudahan kepada anggota untuk membuat semakan maklumat peribadi, gaji, kursus dan pinjaman.

3. Setiap anggota Majlis telah disediakan ID pengguna bagi memudahkan anggota membuat cetakan penyata gaji bulanan dan semakan maklumat peribadi di Sistem SPBT. Namun begitu, anggota hanya boleh mencapai data maklumat sendiri sahaja memandangkan maklumat data peribadi dan penyata gaji adalah sulit.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perbendaharaan tidak akan membuat cetakan penyata gaji bulanan kepada anggota yang bertugas di pejabat mulai bulan Mac 2018. Oleh itu, bersama-sama ini dikemukakan lampiran A untuk rujukan tuan/puan agar proses cetakan penyata gaji masing-masing di Sistem SPBT berjalan dengan lancar.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 04/2018


Rujukan : Bil (16) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

CETAKAN PENYATA GAJI BULANAN ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA IPOH

5. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai. **Perlaksanaan Arahkan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"



(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh

"LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI"